



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

HMA 101

PENGAJIAN BAHASA MELAYU

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2017/2018

TAJUK :

DENGAN MENGGUNAKAN CONTOH YANG SESUAI
DARIPADA BAHASA MELAYU, BINCANGKAN KONSEP
ANALISIS WACANA, KOHESI, KOHEREN, PRAGMATIK,
TEKS DAN KONTEKS

NAMA AHLI KUMPULAN	NO MATRIKS	NO KAD PENGENALAN
IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361	970710-12-5703
MASYITAH BINTI ZULKIFLI	136372	970513-02-5666
ERDA BINTI MUNDING	136353	970725-12-5132
FATIN SYAHILA BINTI MOHAMAD NADZAIR	136358	971213-26-5072
KARTINI BINTI ISMAIL	136367	970325-11-5330

NAMA PENSYARAH :

PROFESOR DR NORIAH BINTI MOHAMED

TARIKH PENGHANTARAN

7 MEI 2018

PENGENALAN

Dalam kehidupan seharian, sememangnya masyarakat Melayu menggunakan bahasa dalam interaksi sosial mengikut peristiwa komunikatif yang berbeza. Perbezaan ini dikaji dalam sosiolinguistik dalam bahasa Melayu yang mempunyai perkaitan antara masyarakat Melayu dengan bahasa itu sendiri.

Pada hakikatnya, sosiolinguistik ialah perkaitan antara masyarakat dengan bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian. Perkaitan ini membawa kepada kemunculan satu lagi bidang kajian ilmu linguistik iaitu pragmatik. Pragmatik juga merupakan pertemuan antara masyarakat Melayu dengan bahasa yang digunakan. Dalam bidang pragmatik, terdapat ciri yang perlu dipatuhi untuk melengkapkan bidang kajian tersebut seperti penggunaan ungkapan bertatasusila, rujukan kehormat dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung menghasilkan sebuah konteks penggunaan bahasa yang indah, sopan dan halus dalam Bahasa Melayu. Konteks penggunaan bahasa tersebut akan dapat dilihat dalam bentuk teks dan konteks tertentu.

Justeru, terdapat perkaitan sosiolinguistik dengan pragmatik iaitu melibatkan hubungan masyarakat Melayu dengan Bahasa Melayu itu sendiri. Pertemuan kedua-dua bidang ilmu kajian ini menghasilkan teks yang mengikut konteks tertentu. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan keindahan Bahasa Melayu, menajamkan fahaman pendengar atau pembaca dan memperkaya konteks penggunaan Bahasa Melayu. Segala keindahan tersebut diharap dapat mengangkat martabat Bahasa Melayu seiring dengan bahasa lain di dunia. Kemartabatan Bahasa Melayu di mata dunia merupakan suatu pengiktirafan yang tidak bermakna.

1.0 ANALISIS WACANA

1.1 DEFINISI WACANA

Istilah “wacana” ialah padanan istilah *discourse* bagi bahasa Inggeris, *discours* dalam bahasa Perancis, *al-makalah* bagi bahasa Arab atau *tamhwa* dalam bahasa Korea. Banyak pengertian wacana dikemukakan oleh ahli dalam bidang ini.

Crystal (1992) mendefinisikan wacana sebagai regangan bahasa yang berkesinambungan (khususnya bahasa lisan) yang lebih besar daripada ayat, lazimnya membentuk satu unit yang berkesatuan, seperti khutbah, hujah, jenaka atau cerita. Asmah Haji Ismail, (1980) mendefinisikan wacana sebagai unit bahasa melebihi batas ayat. Wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku, siri buku, atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan antara butir-butir fikiran dan juga perkembangan akaliah yang ada di dalamnya. Fairclough (2003) menegaskan bahawa wacana adalah pandangan khusus tentang bahasa penggunaan sebagai suatu unsur kehidupan sosial yang berkait rapat dengan unsur lain. Daripada beberapa pengertian yang diberikan, boleh disimpulkan bahawa wacana ialah satuan bahasa yang lengkap yang benar-benar digunakan untuk komunikasi dan mempunyai maksud.

1.1.1 JENIS-JENIS WACANA

Wacana mempunyai ciri-ciri dan jenis yang tersendiri. Hal ini bertujuan untuk menilai dan membanding beza antara satu jenis wacana itu dengan wacana yang lain. Antara jenis-jenis yang dapat dilihat dalam wacana wacana lisan dan wacana tulisan.

1.1.1.1 WACANA LISAN

Wacana ini dihasilkan secara lisan yang melibatkan komunikasi langsung antara penutur dengan pendengar. Dalam wacana lisan, ekspresi wajah, nada suara, gerak badan dan sebagainya berfungsi untuk menyampaikan sesuatu perkara kepada pendengar. Contohnya ialah perbualan harian, temu ramah, ceramah, ucapan, khutbah, siaran televisyen dan radio.

1.1.1.2 WACANA TULISAN

Wacana tulisan pula ialah wacana yang disampaikan secara bertulis yang melibatkan hubungan antara penulis dengan pembaca. Komunikasi yang berlaku ialah komunikasi satu arah atau tidak langsung. Penulis tidak mendapat reaksi pembaca pada masa itu kerana penulis tidak berdepan dengan pembaca. Contoh wacana tulisan ialah rencana, akhbar, majalah, buku dan novel.

1.2 DEFINISI ANALISIS WACANA

Analisis wacana adalah padanan frasa bahasa Inggeris *discourse analysis*. Istilah ini mula digunakan oleh Zelig S. Harris di Amerika Syarikat apabila beliau menerbitkan maalah dengan judul tersebut pada 1952 dalam jurnal *Language* (28).

Bagi Tannen (1989), analisis wacana ialah kajian tentang bahasa, tetapi bukan sahaja kajian tentang bahasa sebagaimana pendekatan kajian bahasa lain. Sebaliknya analisis wacana memanfaatkan bahasa yang benar-benar digunakan dan menyelidiki untuk apa bahasa digunakan. Brown & Yule (1998)

mendefinisikan analisis wacana sebagai analisis bahasa dalam konteks sosial dan kognitifnya. Analisis wacana juga adalah analisis bahasa dalam penggunaannya. Dengan itu, analisis wacana tidak terhad kepada huraian bentuk linguistik bebas tujuan, sebaliknya huraian fungsi bentuk tersebut bagi kegunaan manusia. Stubbs (19987) menyatakan, analisis wacana ialah analisis linguistik terhadap wacana tulisan atau lisan yang wujud secara alamiah. Walau bagaimanapun, Renkema (1993) pula mendefinisikan analisis wacana sebagai disiplin yang menumpukan perhatian kepada penyelidikan hubungan antara bentuk dan fungsi dalam komunikasi verbal.

1.3 MATLAMAT ANALISIS WACANA

Perkembangan ilmu analisis wacana juga boleh dilihat daripada matlamat analisisnya, iaitu sama ada matlamatnya deskriptif atau kritis (Idris Aman 20140). Pada prinsipnya, semua hasil analisis wacana adalah kerja deskripsi. Ini sejajar dengan prinsip linguistic deskriptif juga. Deskriptif bermaksud menghurai seadanya tentang ciri wacana atau teks. Pengdeskripsian boleh mencakupi pemerihalan sifat tekstual dan pentafsiran amalan kewacanaan.

Kini analisis wacana bukan sahaja bermatlamat mendeskripsi wacana atau teks seadanya dari segi tekstual dan amalan kewacanaannya, tetapi semakin meningkat dilihat secara kritis. Kritis bermaksud bukan sahaja menghuraikan sifat tekstual dan amalan kewacanaan teks atau wacana, malah daripada sifat itu cuba dihubungkan secara dialektikal dengan proses atau praktis proses atau praktis sosial yang terselindung di dalamnya. Misalnya, ciri teks dan amalan kewacanaan tertentu boleh membayangkan proses atau praktis sosial tertentu, seperti praktis perkauman atau kesetiakawanan dan seumpamanya.

1.4 MANFAAT ANALISIS WACANA

Kini analisis wacana telah menjadi bidang kajian yang amat pelbagai dengan beraneka pendekatan dan skop dalam sesuatu disiplin. Kepelbagaian itu membolehkan bidang ini bermanfaat. Melalui kerja dalam bidang semantik, analisis wacana telah memberi sinar tentang bagaimana makna boleh dibayangkan melalui susunan pecahan maklumat dalam siri ayat atau bagaimana pemeran mengambil giliran dan respon dalam perbualan. Analisis wacana juga mampu menjelaskan bagaimana pendengar mentafsir apa yang didengar, dan kebolehan kognitif yang mendasari simbol yang digunakan oleh manusia.

Analisis wacana juga bermanfaat dalam kajian nahu atau sintaksis, atau yang lebih dikenali nahu wacana. Sebelum pemanfaatan wacana untuk huraian nahu, sintaksis atau kajian tentang menggunakan ayat sebagai unsur terbesar nahu. Analisis wacana oleh penahu atau ahli sintaksis memungkinkan kajian tentang nahu didasarkan pada data bahasa lebih besar.

Melalui bidang pragmatik pula, analisis wacana yang memanfaatkan korpus ujaran sebenar membantu mendeskripsi asas prinsip mentafsirkan bagaimana pemahaman didasarkan dan bagaimana manusia menggunakan ujaran untuk membentuk tindakan. Analisis wacana turut menyumbang dalam kajian tentang variasi dan perubahan bahasa. Penganalisis wacana telah menghuraikan mekanisme transformasi dalaman bagi perbualan, seperti dalam aspek nahuannya (Idris Aman, 2014). Bentuk-bentuk yang secara tekal berfungsi memperlihatkan bagaimana penutur inginkan ujaran mereka difahami berkecenderungan berubah berdasarkan masa kearah unsur yang dikehendaki oleh nahu bahasa.

2.0 KOHESI

Sesuatu wacana menjadi utuh sekiranya mempunyai kohesi. Wacana yang baik dan utuh perlu memenuhi syarat-syarat bagi membentuk kohesi. Tambahnya pula, wacana yang baik dan utuh dapat diperoleh melalui susunan ayat yang kohesif. Kohesi merupakan unsur yang penting dalam penghasilan sesuatu wacana yang kukuh dan ayat yang disusun mempunyai perkaitan. Kohesi atau tautan bermaksud keserasian hubungan antara unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam sesebuah wacana. Keserasian hubungan itu lazimnya dikenal pasti melalui hubungan kata, frasa dan ayat. Kohesi yang utuh terhasil melalui jalinan ayat secara berkaitan atau berkesinambungan.

Kohesi juga dikenali sebagai “organisasi sintatik” sesebuah wacana. Kohesi merupakan susun atur kata yang padu dan padat untuk menghasilkan turutan yang bermakna (Tarigan 1987). Mulyana (2005) mengungkapkan bahawa kohesi dalam wacana diertikan sebagai kesepaduan bentuk secara tersusun membentuk ikatan sintaksis. Bambang Hartono (2004) pula mengatakan bahawa kohesi merupakan konsep makna yang tertumpu pada hubungan makna dalam suatu wacana. Kohesi adalah kesatuan semantik antara satu ujaran dengan ujaran lainnya dalam satu wacana.

Dengan adanya hubungan kohesi, sesuatu unsur dalam wacana dapat diterjemahkan dengan mengaitkannya dengan unsur-unsur yang lain. Secara ringkasnya, Brown dan Yule (1983) meletakkan kohesi sebagai penggunaan sebahagian teks yang diikuti dengan konsep yang sama akan mengikuti sebahagian teks yang lain. Halliday dan Hasan (1991) pula memandang kohesi sebagai hubungan

dalam wacana yang dibina melalui terjemahan beberapa elemen yang sentiasa bergantung antara satu sama lain.

Contoh ayat :

Amira seorang pelajar cemerlang. Dia sering memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan. Namun begitu, dia tidak kedekut ilmu dengan rakan-rakannya.

Kohesi antara ayat pertama, kedua dan ketiga wujud melalui pertalian antara kata 'Amira' dan 'dia'.

Ciri kohesi dalam wacana ditandai oleh kehadiran penanda khusus, iaitu kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Kesenambungan idea dan peristiwa yang berturutan menjadikan ayat-ayat yang terbina mempunyai ciri-ciri kohesi yang jelas. Dengan itu, terbinalah sebuah wacana yang utuh.

2.1 KOHESI NAHUAN

2.1.1 PENANDA RUJUKAN

Penanda rujukan ialah penanda yang digunakan untuk merujuk kata ganti nama diri orang sama ada orang pertama, kedua dan ketiga. Ia juga digunakan untuk kata ganti nama tunjuk seperti itu, ini,, sana, situ dan sini yang digunakan untuk merujuk sesuatu tempat.

Contoh ayat:

Sathiya, Awang dan Abu pergi ke pekan. Mereka ingin membeli makanan di sana.

Perkataan 'mereka' merujuk kepada 'Sathiya, Awang dan Abu'. Perkataan 'sana' yang merupakan kata ganti nama tunjuk pula digunakan untuk merujuk perkataan 'pekan'.

2.1.2 PENANDA PENGGANTIAN

Penanda penggantian ialah frasa nama, frasa kerja dan klausa digunakan untuk menggantikan perkataan atau frasa yang sama dalam sesebuah wacana.

Contoh ayat :

Kes vandalisme semakin berleluasa di kawasan taman perumahan.

Pihak pengurusan perumahan perlu mengambil langkah efektif bagi membendung gejala ini. Frasa ‘gejala ini’ digunakan untuk menggantikan frasa ‘kes vandalisme’. Penggantian frasa ini bertujuan untuk menjelaskan struktur sesebuah ayat dengan lebih jelas.

2.1.3 PENANDA ELIPSIS

Penanda elipsis atau lebih dikenali sebagai pengguguran ialah proses menghilangkan atau menggugurkan kata, frasa dan klausa yang telah disebut sebelumnya. Pengguguran dilakukan kerana orang yang mendengar atau membaca telah memahami maklumat tersebut. Penanda jenis ini dapat diandaikan sebagai penggantian kosong kerana sesuatu yang digugurkan itu tidak diucapkan atau ditulis.

Contoh ayat :

Aku dan dia sama-sama mahasiswa. Ke kuliah bersama-sama. Pulang juga bersama-sama.

2.1.4 PENANDA PENGHUBUNG

Penanda penghubung terdiri daripada beberapa cabang, iaitu penanda penghubung tambahan, penanda penghubung tentangan, penanda penghubung musabab, penanda penghubung tempoh dan penanda penghubung kesimpulan.

Fungsi utama penanda penghubung adalah untuk menghubungkan unsur-unsur linguistik seperti perkataan, frasa dan ayat dalam sesebuah wacana. Penanda penghubung dapat memperlihatkan kesinambungan idea antara satu ayat dengan ayat yang lain.

a. PENANDA PENGHUBUNG TAMBAHAN

Penanda penghubung tambahan digunakan untuk menghubungkan maklumat tambahan terhadap sesuatu perkara yang diperkatakan sebelumnya. Contoh penanda penghubung adalah seperti selain itu, di samping itu, sehubungan dengan itu, tambahan pula, begitu juga, dengan itu dan lain-lain.

Contoh ayat :

Ibu ingin membeli sayur di pasar. Selain itu, ibu juga ingin membeli buah-buahan segar.

b. PENANDA PENGHUBUNG TENTANGAN

Penanda tentangan ialah penanda yang menunjukkan maklumat yang bertentangan daripada sesuatu yang disampaikan sebelumnya. Contohnya seperti sebaliknya, biarpun begitu, walaupun demikian, namun begitu, meskipun begitu dan sebagainya.

Contoh ayat :

Adiknya sangat baik. Namun begitu, kakaknya agak sombong dan kasar.

c. PENANDA PENGHUBUNG MUSABAB

Penghubung musabab pula berfungsi untuk menjelaskan sebab sesuatu itu berlaku contoh bagi penanda penghubung ini ialah seperti oleh itu, oleh sebab itu, dengan demikian, oleh hal yang demikian, maka dan sebagainya.

Contoh ayat :

Amir rajin mengulangkaji pelajaran. Oleh sebab itu, dia sering mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.

d. PENANDA PENGHUBUNG TEMPOH

Bagi menyatakan masa atau kronologi berlakunya sesuatu, penanda penghubung tempoh akan digunakan. Kemudian, selanjutnya, pada waktu itu, akhirnya, selepas itu dan seterusnya adalah antara contoh penanda penghubung tempoh.

Contoh ayat :

Dia hendak berjumpa dengan pengetua. Kemudian, dia diarahkan pula untuk berjumpa dengan guru disiplin.

e. PENANDA PENGHUBUNG KESIMPULAN

Penanda penghubung kesimpulan menunjukkan ringkasan atau rumusan akhir terhadap sesuatu hal. Sebagai contohnya, akhirnya, pendek kata, dengan perkataan lain, kesimpulannya, akhirnya dan sebagainya.

Contoh ayat :

Rokok mengandungi kandungan kafein yang menyebabkan ketagihan. Selain itu, rokok juga boleh menyebabkan seseorang menghidap penyakit kanser. Pendek kata, rokok menyebabkan kemudaratan kepada manusia.

2.2 KOHESI LEKSIKAL

Seterusnya, kohesi leksikal pula memperlihatkan penglibatan kata atau frasa yang berulang. Pengulangan ini dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu pengulangan kata yang sama, pengulangan kata yang sama makna atau sinonim dan pengulangan kata yang kehadirannya saling berkai atau berkolokasi.

2.2.1 PENGULANGAN KATA YANG SAMA

Pengulangan kata yang sama seperti yang kita ketahui adalah penggunaan perkataan yang sama pada ayat yang berbeza.

Contoh ayat :

Ibu memang suka berleter. Kami balik lewat seminit pun dia berleter.

Melalui ayat tersebut, pengulangan kata 'berleter' jelas menunjukkan pengulangan kata yang sama.

2.2.2 PENGULANGAN KATA YANG SAMA MAKNA

Kemudian, pengulangan kata yang sama makna atau sinonim.

Contoh ayat :

Pelakon itu sangat jelita. Dia mempunyai banyak peminat kerana wajahnya cantik.

Pengulangan kata yang bersinonim jelas dikesan melalui penggunaan kata 'jelita' dan 'cantik'.

2.2.3 PENGULANGAN KATA YANG BERKOLOKASI

Pengulangan kata yang berkolokasi menunjukkan wujudnya perkaitan antara satu ayat dengan ayat yang seterusnya.

Contoh ayat :

Kami baru sahaja membeli kerusi, meja dan katil. Semua perabot ini diletakkan di ruang tamu.

Perkataan kerusi, meja dan katil berkolokasi dengan perabot dan ruang tamu.

3.0 KOHEREN

Kohesi dan koheren merupakan konsep yang amat penting dalam membina sesuatu teks dalam wacana. Wacana yang utuh adalah wacana yang mempunyai ayat yang saling bertautan, mempunyai kesatuan, dan bersinambungan antara satu sama lain yang bertanggungjawab dalam membentuk struktur serta menghasilkan sebuah wacana yang lengkap. Aspek utama yang perlu wujud untuk membentuk kesatuan antara ayat-ayat dikenali sebagai koheren. Kesenambungan idea hendaklah kemas dan teratur, isi atau maklumat disampaikan dengan jalinan yang kemas dan rapi serta mempunyai makna yang jelas. Dengan itu terbinala sebuah wacana yang utuh dan bermakna.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, koheren bermaksud berhubung dan bersangkutan paut. Koheren juga merupakan kesinambungan atau keterikatan antara satu ayat dengan ayat yang lain dalam sebuah wacana supaya mudah difahami. Asmah Haji Omar (1980) mendefinisikan koheren sebagai satu keteraturan fikiran yang merujuk kepada bentuk-bentuk bahasa yang memperlihatkan pautan dalam sesebuah teks. Koheren akan wujud apabila bahagian-bahagian teks itu memperlihatkan logik antara idea-idea. Menurut H.G.Tarigan (1987), koheren adalah satu keserasian hubungan antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam wacana sehingga terciptanya suatu pengertian yang bermakna.

Koheren merupakan jalinan antara bahagian dalam teks atau wacana. Koheren juga merupakan kepaduan semantik yang dapat dicapai oleh faktor-faktor di luar wacana atau hubungan yang terkait dengan faktor-faktor luar teks, misalnya latar belakang budaya dan kemampuan interpretasi pembaca (Siti Aisyah S. dan Wardah Hanafiah, 2015). Beaugrande dan Dressler (1981) mengatakan "... *coherence*

concerns the way in which components of the textual words; the configuration of concepts and relations which underlie the surface text are mutually accessible and relevant". Jadi koheren merujuk kepada bagaimana komponen tekstual, seperti konfigurasi konsep dan hubungan yang mendasari teks, boleh diterima dan berkaitan dengannya. Dengan kata lain, koheren adalah pemahaman tentang makna yang hadir atau pembaca.

Richards and Richards (2013) menyatakan bahawa koheren ialah kesinambungan idea antara unit bahasa yang membentuk sebuah wacana.

Contoh ayat :

Kamal seorang guru Sains di sekolah menengah itu. Dia mengajarkan mata pelajaran itu sejak sepuluh tahun yang lalu. Beliau merupakan guru Sains yang berwibawa. Sejak dia mengajar di sekolah itu, prestasi mata pelajaran Sains pelajar di sekolah itu meningkat

Huraian :

Ciri koheren dalam petikan di atas adalah sangat jelas. Kandungan seluruh teks itu berfokus kepada satu perkara sahaja iaitu tentang Kamal sebagai guru Sains yang berwibawa. Tidak ada ayat menyentuh hal lain.

3.1 KESINAMBUNGAN IDEA DALAM WACANA

Menurut Asmah Haji Omar (1980), wacana mempunyai ciri "unsur susun atur" dengan pengertian bahawa unsur-unsurnya boleh disusun atur berdasarkan tempat, keutamaan, waktu, sebab, akibat dan sebagainya. Bermaksud, ayat-ayat itu mestilah mempunyai urutan yang taut-menaut dari segi idea untuk mewujudkan koheren yang utuh. Ciri koheren dapat dilihat daripada kesinambungan idea antara unsur, iaitu ayat-ayat yang membina sesebuah wacana.

Sekurang-kurangnya terdapat lapan jenis kesinambungan idea dalam sesebuah wacana.

a. Hubungan sebab dan akibat

Aminah selalu menunjukkan sikap malas ketika bekerja. Diadiberhentikan oleh majikannya.

b. Hubungan sebab dan hasil

Hakim seorang yang rajin belajar. Dia berjaya mendapat tempat pertama di dalam kelas.

c. Hubungan latar dan kesimpulan

Kereta itu nampak cantik dan bergaya. Rupa-rupanya, pemilik kereta tersebut seorang usahawan yang berjaya.

d. Hubungan sebab dan tujuan

Pemuda itu bekerja keras dalam perniagaannya. Dia mahu mengubah nasib keluarganya suatu hari nanti.

e. Hubungan syarat dan hasil

Rakyat Malaysia hendaklah hidup bersatu padu. Perpaduan yang tercapai dapat menjadikan negara kita maju dan aman.

f. Hubungan perbandingan

Syafiq rajin sekali. Rakan karibnya tidak serajin dia.

g. Hubungan memperkuat isi

Hubungan memperkuat isi bermaksud ayat yang seterusnya itu memberikan maklumat tambahan tentang salah satu daripada perkara yang dinyatakan dalam ayat sebelumnya dengan tujuan untuk memperkukuh pernyataannya.

Sungguh kejam majikan itu. Disiksa pembantu rumahnya sebelum dibunuh dan dibakarnya.

h. Hubungan aditif

Hubungan aditif bermaksud ayat yang seterusnya itu memberikan maklumat tambahan tentang perkara yang dinyatakan dalam ayat sebelumnya tetapi maksudnya tidak dapat dikategorikan dalam mana-mana jenis kesinambungan idea. Hanya sebagai tambahan sahaja.

Kakinya sakit tertusuk paku. Paku itu kecil tapi berkarat.

4.0 PRAGMATIK

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pragmatik bermaksud cabang linguistik yang berkaitan dengan kajian tentang makna dan kesan yang timbul daripada penggunaan bahasa dalam situasi tertentu. Manakala menurut Kamus Linguistik (1997) pragmatik yang terdapat pada semiotik ialah pengkajian tentang bagaimana tanda dan lambang digunakan oleh manusia untuk berhubung dalam bahasa tertentu.

Secara umumnya, pragmatik ialah suatu bidang ilmu linguistik yang mengkaji budaya bahasa dan maknanya dalam kalangan masyarakat Melayu mengikut konteks tertentu (Nawi Ismail et.al, 2016). Bidang ilmu linguistik ini juga turut digunakan untuk memperkaya konteks penggunaan Bahasa Melayu seiring dengan

perkembangan zaman. Pragmatik juga berfungsi sebagai pemudah cara pembaca atau pendengar memahami sesuatu ayat atau penulis.

4.1 ASPEK-ASPEK KAJIAN PRAGMATIK

4.1.1 PERIBAHASA

Peribahasa merupakan susunan percakapan yang pendek, indah, luas tujuannya dan digunakan sebagai teladan. Peribahasa juga merupakan suatu bahasa yang mantap dari segi bentuk dan makna serta tidak boleh diubah kepada bentuk lain. Ia juga membawa satu makna yang terhasil daripada pengalaman hidup masyarakat dan digunakan sebagai pengajaran.

Peribahasa terbahagi kepada beberapa jenis yang berbeza mengikut makna dan konteks penggunaannya. (Abdullah Hassan, 2007) Antara jenis tersebut :

PERIBAHASA	MAKNA	CONTOH
PERUMPAMAAN	Mempunyai dua lapis makna yang disamakan dengan benda lain.	Perumpamaan bandingan : ➤ Bagai pinang dibelah dua. ➤ Ibarat rusa masuk kampung.
	Terbahagi kepada dua jenis, iaitu 1. Perumpamaan perbandingan (seperti, bak, laksana, umpama) 2. Perumpamaan tidak menggunakan perbandingan	Perumpamaan tidak menggunakan perbandingan ➤ Belakang parang kalau diasah lagikan tajam ➤ Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan

PEPATAH	Mempunyai makna selapis dan jelas	Pepatah mengandung pengajaran <ul style="list-style-type: none"> ➤ Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah ➤ Lembu berpegang pada tali, manusia berpegang pada janji.
	Terbahagi kepada dua jenis iaitu Pepatah mengandung pengajaran Pepatah yang tidak mengandung pengajaran	Pepatah tidak mengandung pengajar <ul style="list-style-type: none"> ➤ Ada gula ada semut ➤ Menang jadi arang, kalah jadi abu
BIDALAN	Mempunyai makna selapis dan berunsur nasihat	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Sesat di hujung jalan pulang ke pangkal jalan. ➤ Ukur baju di badan sendiri.
SIMPULAN BAHASA	Mempunyai makna yang tersirat mengikut situasi tertentu	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Tangan panjang ➤ Curi tulang
KATA HIKMAT	Mengandung unsur nasihat dan motivasi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Malu bertanya sesat jalan ➤ Hari ini lebih baik dari semalam
KIASAN	Susunan kata-kata yang mengiaskan sesuatu dengan sesuatu yang lain	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pahit seperti hempedu ➤ Mandi kerbau
PERBILANGAN	Merujuk kepada adat yang dikiaskan dengan sesuatu	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Biar mati anak, jangan mati adat ➤ Anat Melayu tidak pernah derhaka

4.1.2 RAGAM BAHASA

Ragam bahasa ialah bahasa yang digunakan dalam lisan atau tulisan untuk menguatkan hujah dan menajamkan pemahaman pembaca atau pendengar.

JENIS	MAKNA	CONTOH AYAT
BAHASA SINDIRAN	Sesuatu yang tidak dinyatakan secara terang tetapi dikiaskan dengan makna sebaliknya.	‘Amboi, awalnya awak datang hari ini!’ kata Cikgu Amira kepada pelajarnya.
BAHASA MENGGIAT	Sesuatu ungkapan untuk mengusik seseorang namun terdapat kebenaran.	‘Bilakah mak dan ayah boleh makan nasi minyak kamu?’ kata Mak Cik Bedah kepada anaknya.
BAHASA HERDIK	Sesuatu ungkapan untuk memarahi seseorang dengan nada yang tinggi.	‘Keluarlah kau dari rumah aku. Jangan tunjuk muka kau lagi di sini.’ Kata Ali kepada Abu yang mengkhianatinya.
BAHASA SERUAN	Digunakan untuk meluahkan perasaan mengikut konteks tertentu.	‘Aduhai, malangnya nasibku hari ini!’ kata Adnan sedirian.
BAHASA TEMPELAK	Sesuatu ungkapan yang digunakan untuk menyedarkan seseorang tentang masa silam	‘Itulah kau sewaktu mak kau masih ada, kau tak hormatnya. Sekarang kau nak menyesal.’ Kata Raja kepada Yahya.
BAHASA NAIK	Sesuatu ungkapan yang mencerminkan sebuah cerita yang akhirnya membawa kebahagiaan.	Mula-mula Ratna diumumkan sebagai tokoh pelajar, kemudian dia diberi peluang melanjutkan pelajaran ke

		luar negara dan akhirnya Berjaya kenamatkan pelajaran hingga ke peringkat ijazah kedoktoran.
BAHASA KECIL	Sesuatu ungkpan yang meambangkan seseorang itu merendah diri.	‘Naiklah ke pondok buruk aku ini.’ Kata Ramli kepada rakannya.
BAHASA TIMBAL	Sesuatu ungkapan yang bertentangan	Sikap Aminah yang diam seribu bahasa menimbulkan tanda Tanya.
BAHASA BUKAN	Ungkapan yang menggunakan istilah bkan untuk menafikan sesuatu.	‘Bukan kau tidak tahu dia itu anak orang kaya.’ Kata Azril kepada Ramli.

4.1.3 KESANTUNAN BAHASA

Menurut Asmah Haji Omar (2007), kesantunan Bahasa melibatkan kesopanan dan kehalusan ketika berbahasa yang mengandungi nilai-nilai hormat, bertatasusila dan tidak menyinggung perasaan orang lain. Ia juga melambangkan kehalusan budi, tingkah laku dan sikap penutur. Kesantunan Bahasa mempunyai ciri-ciri tertentu.

a. Mempunyai ungkapan yang bertatasusila

Kesantunan bahasa yang merujuk kepada ungkapan bertatasusila ialah penggunaan bahasa halus, kiasan pemanis, bahasa Arab dan penggunaan nada atau intonasi yang sesuai.

Contoh:

CIRI	CONTOH	CONTOH PENGGUNAAN
Penggunaan kiasan pemanis	Berbadan dua- mengandung Orang rumah- isteri Meninggal dunia- mati	Pak Ali telah meninggal dunia sejak dua tahun yang lepas.
Penggunaan Bahasa halus	Jemput Sila Terima kasih	Jemputlah naik ke rumah saya.
Penggunaan istilah Arab	Kembali ke rahmatullah Redha Tawakkal	Kita hendaklah redha dengan ketentuan-Nya.

Penggunaan nada atau intonasi adalah mengikut situasi. Contoh, jika seseorang itu sedang marah, maka intonasi yang digunakan tinggi. Sekiranya sedih, maka nada yang digunakan rendah.

b. Penggunaan kata ganti nama diri

Penggunaan kata ganti nama diri ini digunakan mengikut situasi dan golongan yang dituju untuk menunjukkan rasa hormat dan bersopan santun.

1. PENGGUNAAN KATA SAPAAN

Kata sapaan digunakan untuk mewujudkan suasana yang mesra dan sedap didengar sesuai dengan kesantunan dalam berbahasa dalam kalangan masyarakat Melayu. Penggunaan kata sapaan adalah mengikut suasana atau situasi.

SITUASI	CONTOH
HUBUNGAN KEKELUARGAAN	Kak long, angah, pak teh, achik, pak lang, pak su

HUBUNGAN RASMI	Encik, saudari, saudara, tuan, puan, cik
KEADAAN LAIN (BAHASA ISTANA)	Ayahanda, bonda, patik, hamba, beta, nenda

2. PENGGUNAAN GELARAN

Gelaran digunakan untuk menentukan kedudukan seseorang dan diasingkan mengikut beberapa faktor.

FAKTOR	CONTOH
KETURUNAN	Syeikh, Sharifah, Wan, Nik, Tengku, Megat, Pangeran, Daeng
ANUGERAH	Tun, Dato, Tan Sri, Datin, Datuk Patinggi
AKADEMIK	Cikgu, Doktor, Prof Emeritus, Prof Madya
AGAMA	Hajah, Haji, Tok Imam, Tok Kadi, Ustaz, Ustazah

3. RUJUKAN KEHORMAT

Digunakan mengikut orang yang dituju untuk menunjukkan rasa hormat kepada golongan tersebut. Umumnya dituju kepada orang yang memegang jawatan dan mempunyai kedudukan tertentu.

RUJUKAN KEHORMAT	CONTOH	DIGUNAKAN KEPADA
UMUM	Tuan	Orang yang mempunyai jawatan dan berkedudukan tinggi

	Encik	Orang yang tidak dikenali atau orang berkedudukan lebih tinggi dari penutur
DIRAJA	Seri Paduka Baginda	Yang Dipertuan Agong Raja Permaisuri Agong
	Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia	Sultan Atau Sultanah untuk Negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah
JAWATAN	Yang Amat Berhormat	Perdana Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri
	Yang Amat Arif	Ketua Hakim Negara, Ketua Hakim Syariah, Hakim Besar
KEAGAMAAN	Sahibus Samahah	Mufti
	Sahibul Fadilah	Kadi Besar tau Kadi
	Haji dan Hajjah	Tuan dan Puan

5.0 TEKS

Menurut Idris Aman (2014), teks didefinisikan secara khusus sebagai percakapan atau tulisan seorang individu. Menurut (Chapakiya, 2014) teks ialah bahasa yang mempunyai fungsi atau tugas kepada sesuatu konteks. Ia wujud dalam satu konteks atau banyak konteks seperti dalam perkataan, ayat dan sebagainya. Pertuturan lisan atau tulisan merupakan contoh teks dalam konteks pada masa ini. Teks mesti menyatakan kod atau lambang khusus untuk memahami komunikasi. Teks itu sendiri adalah sebagai unit kepada makna atau semantik, iaitu tidak dapat menghuraikan seperti konteks. Teks tidak dapat digunakan dalam tatabahasa kerana teks mempunyai makna yang tersendiri.

Teks dapat dilihat dengan dua cara, iaitu produksi (penghasilan) dan proses. Teks dianggap sebagai hasil (produk) kerana teks menjadi keluaran (output) yang dapat direkodkan dan dipelajari. Teks memiliki susunan yang tertentu serta dapat diterjemahkan ke dalam istilah yang bersistem. Teks juga dianggap sebagai satu proses kerana teks merupakan suatu proses pemilihan makna yang terjadi secara berterusan sehingga terbentuknya satu teks yang mempunyai satuan makna yang utuh.

Teks ialah pertukaran atau perubahan yang berlaku semasa bertutur atau berkomunikasi. Semua teks mempunyai makna tersendiri untuk memberi kefahaman kepada penutur yang bertutur secara spontan. Teks ialah proses dan produksi yang mempunyai makna pada dirinya. Teks dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu teks lisan dan tulisan (Chapakiya, 2014).

Teks lisan ialah interaksi dengan menggunakan bahasa tertentu di antara individu secara pertuturan dalam situasi yang nyata. Manakala teks tulisan pula ialah interaksi dengan menggunakan bahasa tertentu dalam bentuk bertulis atau catatan mengikut kata-kata yang didaftar dalam kamus dan sebagainya. Saiz teks adalah tidak terhad. Hal ini demikian kerana teks boleh terdiri daripada satu atau lebih perkataan. Satu perkataan boleh dianggap sebagai teks yang lengkap dan sempurna, sekiranya teks tersebut disertai oleh konteks atau mesej yang koheren dan bermakna. Misalnya, perkataan “KELUAR” yang terdapat di pintu atau papan tanda dianggap sebagai satu teks lengkap dan sempurna walaupun hanya terdiri daripada satu perkataan sahaja. Hal ini demikian kerana perkataan tersebut berada dalam konteksnya dan ia memberi makna bahawa pintu atau arah tersebut merupakan jalan keluar dari sesebuah bilik atau bangunan. Jika perkataan tersebut berada di atas meja, ia tidak membawa apa-apa makna kerana perkataan tersebut tidak berada dalam konteks.

Terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara teks lisan dan tulisan, iaitu cara penghasilan, cara persembahan, fungsi dan bentuk. Antara persamaan dan perbezaannya ialah teks lisan dapat memberi kesan kepada penutur melalui parabahasa seperti memek muka, senyum dan sebagainya manakala teks tulisan tidak dapat melakukan perkara sedemikian. Penyampaian teks secara lisan lebih terkongkong kerana ia disampaikan secara serentak di hadapan khalayak. Penyampaian teks secara tulisan pula tidak terkongkong kerana penulis berpeluang memperbaiki teks tersebut pada bila-bila masa serta dapat merujuk kamus dan sebagainya untuk memperbaiki teks tersebut. Teks lisan dapat membuatkan penutur sedar akan kesilapan semasa menyampaikan mesej dan kesilapan tersebut perlu segera diperbaiki tetapi penulis teks tulisan dapat memperbaiki kesalahan dengan aman sebelum teks tersebut dibaca oleh pembaca yang lain. Penutur teks lisan memperoleh kelebihan kerana penutur dapat melihat reaksi pendengar dan sempat mengubah atau memperbaiki teks tersebut mengikut situasi. Namun bagi penulis teks tulisan hanya dapat membayangkan reaksi pembaca sahaja kerana penulis hanya menulis dan ia tidak disampaikan secara lisan.

6.0 KONTEKS

Konteks menurut Guy Cook dalam (Dr. Aris Badara & M. Hum, 2012) adalah memasukkan semua situasi atau keadaan dan hal yang berada di luar teks. Ia mempengaruhi aspek pemakaian bahasa seperti orang yang bercakap (participant) dalam bahasa, situasi di mana teks tersebut dihasilkan dan fungsi atau makna yang dimaksudkan oleh teks tersebut.

Menurut Halliday disebut dalam (Chapakiya, 2014) terdapat lima konsep dalam menjelaskan konteks. Lima konsep tersebut terdiri daripada konteks teks, konteks situasi atau keperihalan keadaan, konteks budaya, konteks intertekstual dan konteks intratekstual. Konteks teks ialah teks yang dianggap binaan yang menggabungkan semua aspek yang berkaitan dengan Bahasa dan sebagainya. konteks situasi atau keperihalan keadaan pula merujuk kepada medan wacana, peserta dan sarana wahana. Medan wacana ialah topik dan proses yang berlaku semasa berlakunya teks dan konteks. Peserta merujuk kepada penutur dan lawan penutur dalam pertuturan atau proses komunikasi tersebut. Sarana wahana pula merujuk kepada peranan bahasa sama ada lisan, tulisan dan kombinasi antara keduanya. Seterusnya, konteks budaya ialah latar belakang masyarakat yang dapat memberi nilai kepada teks. Konteks intertekstual ialah hubungan teks dengan teks-teks lain dan andaian yang dibawa daripada teks sebelumnya. Konteks intratekstual pula mempunyai dua aspek penting dalam menginterpretasikan wacana iaitu aspek koheren dan kohesi.

Sesebuah wacana atau teks yang koheren dapat difahami oleh audien atau pembaca. Koheren merupakan kesatuan menyeluruh yang tertumpu kepada pokok persoalan sesebuah wacana atau teks. Oleh sebab itu, audien atau pembaca wacana dapat memahami maksud yang sebenar wacana tersebut walaupun wacana yang disampaikan tidak mengandungi aspek kohesi iaitu keserasian atau kesinambungan idea antara satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam sesebuah wacana (Nik Safiah Karim & Norliza Jamaluddin, 2002). Hal ini demikian kerana terdapat wacana yang tidak kohesi tetapi dianggap koheren.

Penciptaan konteks dalam wacana atau teks adalah sangat penting. Hal ini demikian kerana penciptaan konteks menyebabkan sesuatu wacana atau teks tersebut dapat difahami. Menurut Halliday dan Hassan (1976) disebut dalam (Halliday, M.A.K

& Ruqaiya Hassan, 1991) selain penggunaan kohesi yang sesuai dan gramatis, koheren juga bergantung kepada konteks dan situasi untuk menyampaikan makna sesebuah wacana. Istilah konteks adalah kependekkan daripada istilah keperihalalan keadaan (context of situation) yang diperkenalkan oleh seorang antropologi, iaitu Bronislaw Malinowski (1923). Malinowski memperkenalkan istilah 'konteks' yang merujuk kepada persekitaran sesebuah teks dan konteks budaya setelah melakukan kajian terhadap penduduk di Pulau Trobian (Claire Kramersch & H. G. Widdowson, 1998) . Idea Malinowski pula dikembangkan lagi oleh Firth (1953) kerana Firth menganggap idea yang dibawa oleh Malinowski adalah tidak lengkap (Tarigan, 1987). Firth menganggap kesemua cabang linguistik adalah berkaitan mengkaji makna dan kesemua makna tersebut adalah fungsi kepada konteks. Beliau juga menganggap konteks sesebuah wacana yang diperlukan untuk menghuraikan linguistic mestilah bersifat umum. Firth memperkenalkan empat ciri pemerian konteks iaitu pemeran/peserta (participant), aksi pemeran, ciri-ciri situasi lain yang berkaitan dengan konteks dan kesan aksi verbal iaitu perubahan yang berlaku akibat daripada ujaran pemeran. Misalnya teks koheren di bawah dapat memperjelas lagi bagaimana audien mencipta dan menggunakan konteks untuk lebih memahami wacana dan makna yang dibawa. Contoh:

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">a) Tiket! Tiket!b) Saya dah bayar, encik!c) Betul ke?d) Sebelum naik bas ini tadi. |
|---|

Dalam contoh di atas, audien akan mencipta konteks berdasarkan wacana perbualan tersebut dan mendapati bahawa situasi tersebut berlaku di dalam sebuah bas.

Hal ini disebabkan pemeran (participant) dan tindakannya dapat menjelaskan bahawa orang yang terlibat dalam komunikasi tersebut adalah konduktor bas dan seorang lagi merupakan penumpang bas tersebut. Teks dan konteks perlu digandingkan bersama-sama dalam suatu proses komunikasi. Jika seseorang tidak berada dalam proses komunikasi (konteks), individu itu tidak dapat memahami apa yang disampaikan (teks). Saiz persekitaran konteks tidak menjadi ukuran dalam hubungan teks dan konteks. Jika teks dan konteks digabungkan maka akan terhasil bentuk dan makna yang lengkap dalam proses komunikasi secara lisan mahupun tulisan.

KESIMPULAN

Tuntasnya, masyarakat Melayu sememangnya bijak menggunakan Bahasa Melayu yang dipengaruhi oleh budaya mereka. Bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh budaya masyarakat Melayu yang digunakan dalam kehidupan seharian yang digelar sosiolinguistik. Hal ini secara tidak langsung, telah meningkatkan martabat Bahasa Melayu di samping dapat mengkayakan Bahasa tersebut. Penggunaan konsep pragmatik dalam kehidupan kalangan masyarakat Melayu juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama mereka. Hal yang demikian kerana, wujudnya penggunaan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat tersebut. Pertembungan antara bahasa dan budaya dalam kalangan masyarakat telah menghasilkan sebuah bahasa yang lengkap, halus, ringan dan unik. Penggunaan konsep pragmatic yang menyeluruh dalam kalangan masyarakat dapat menghasilkan teks yang mengikut konteks. Keberhasilan penggunaan pragmatik yang menjadi salah satu komponen sosiolinguistik membawa kepada penggunaan teks yang sesuai menikut konteks. Hal ini menjadikan bahasa melayu semakin kaya dan mampu mendapat tempat untuk diiktiraf. Justeru, sebagai bangsa Melayu, kita sepatutnya berbangga dengan bahasa yang sendiri dengan menjaga dan memelihara sebaik mungkin agar tidak pupus ditelan zaman. Kita juga seharusnya terus berusaha meningkatkan martabat bahasa melayu untuk generasi masa depan agar generasi tersebut dapat mengenal bangsanya yang kaya dengan pelbagai keunikan dalam berbahasa. Hal ini disebabkan oleh, bahasa mencerminkan bangsa. Jika elok bahasa yang dipertuturkan, maka eloklah pandangan orang terhadap penuturnya. Oleh itu, peliharalah bahasa yang menjadi budaya masyarakat Melayu.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. 2007. *Tatabahasa Sosial : Peraturan Kesantunan Bahasa Kebangsaan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. 1980. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. 2007. *Kesantunan Bahasa Dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. 1980. *Analisis Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Beaugrande dan Dressler. 1981. *Introduction to Text Linguistic*. London and New York: Longman.
- J. C Richards & Richards N. Schmidt. 2013. *Longman Dictionary of Language Teaching dan Applied Linguistic*, Edition 4, Routledge.
- Chapakiya, S. 2014. *Asas Linguistik*. Selangor: PTS Akademia.
- Claire Kramsch & H. G. Widdowson. 1998. *Language and Culture*. New York: Oxford University Press
- Crystal, D. 1992. *Introducing Linguistics*. London: Penguins
- Dr. Aris Badara & M. Hum. 2012. *Analisis Wacana: Teori, Metod dan Penerapannya pada Wacana Media*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Fairclough, N. 2003. *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge.
- Gillian Brown and George Yule. 1983. *Discourse Analysis*. London: Cambridge University Press.
- Halliday, M.A.K & Ruqaiya Hassan. 1991. *Language Context and Text: Aspects of Language in a Social-Semiotic Perspective*. Oxford: Oxford University Press.

- Hartono & Bambang. 2012. *Dasar-dasar Kajian Wacana*. Semarang: Pustaka Zaman
- Henry Guntur Tarigan. 1987. *Pengajaran Wacana*. Bandung : Penerbit Angkasa.
- Idris Aman. 2010. *Analisis Wacana*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mulyana. 2005. *Kajian wacana : Teori, Metode dan Aplikasi Prinsip-prinsip Analisis Wacana*. Yogyakarta : Tiara Wacana
- Nawi Ismail, Raminah Sabran, Wahida Abdul Wahid, Mohd Sis Mohd Yatim, & Zulkarnain Farihin Abdullah. 2016. *Bahasa Melayu Topikal Penggal 3 Tingkatan Enam*. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd
- Nik Safiah Karim & Norliza Jamaluddin, 2002. *Bahasa Melayu STPM*. Selangor, Darul Ehsan: Fajar Bakti.
- Renkema, J. 1993. *Discourse Studies: A Introductory Textbook*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Siti Aisyah S. dan Wardah Hanafiah. 2015. “Analisis Kohesi dan Koheren Pada Buletin Jumat” *Epigram* Vol. 12 No. 1: 55. Diakses pada April 15, 2018 dari <http://jurnal.pnj.ac.id/index.php/epigram/article/view/696/418>
- Stubbs, M. 1987. *Discourse Analysis: The Sociolinguistic Analysis of Natural Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Tannen, D. 1989. *Talking Voices: Repetition, Dialogue, and Imagery in Conversational Discourse*. Cambridge: Cambridge University Press.